

# **CABARAN KURSUS PENDEK KEUSAHAWANAN DI DALAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT DI KOLEJ KOMUNITI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**ALI BIN SIS**  
Kolej Komuniti Kota Tinggi  
[aliss64@yahoo.com.my](mailto:aliss64@yahoo.com.my)

**AEDE HATIB BIN MUSTA'AMAL**  
Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia  
[aede@utm.my](mailto:aede@utm.my)

## **ABSTRAK**

Isu pengangguran dan sosio ekonomi sesuatu komuniti penduduk telah menjadi satu cabaran kepada kerajaan. Pihak kerajaan tidak dapat menyediakan peluang pekerjaan sepenuhnya kepada sesebuah komuniti secara keseluruhan.. Telah banyak aduan, rungutan, kenyataan serta keluhan didengari dan tidak kurang juga langkah-langkah, saranan serta gesaan yang telah dibuat oleh kerajaan, individu dan persatuan-persatuan berkaitan. Namun jawapan secara tuntas masih belum diperolehi. Walaupun begitu satu langkah yang dilihat praktikal disarankan bagi mengatasi kemelut isu sosio ekonomi ini iaitu dengan memperluaskan kesedaran di dalam kerjaya keusahawanan melalui peranan yang di mainkan oleh Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia melalui pendekatan kursus pendek. Samada golongan siswazah atau bukan itu bukan persoalan pokok yang perlu dibincangkan. Masing-masing mempunyai tempat, kaedah dan peranan di dalam menjayakan proses keusahawanan. Data-data yang diambil bagi memperlihatkan hal-hal berkaitan keusahawan boleh membantu untuk memperkasakan strategi kearah menjayakan keusahawanan ini. Seterusnya cadangan-cadangan yang positif akan muncul untuk diketengahkan dan diperhalusi. Kita sayangkan tanahair kita dan perlu bertindak sebelum menjadi lebih parah. Harapan kita agar segala apa yang kita perbuat dan ikhtiarkan bersama dalam bidang keusahawanan berjaya mengatasi isu penting iaitu pengangguran dan sosio ekonomi di semua pelusuk komuniti negara kita.

## **1.0 PENGENALAN**

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menekankan pembangunan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu yang dapat memberi sumbangan terhadap masyarakat dan negara. Bidang keusahawanan merupakan salah satu bidang yang dapat mengembangkan potensi ini. Kerjaya keusahawanan didapati masih belum begitu mendapat tempat dikalangan rakyat di negara kita. Malah kerjaya dalam bidang keusahawanan masih dilihat sebagai pilihan kedua atau terakhir walaupun bidang keusahawanan merupakan satu kerjaya yang dipandang mulia dalam Islam (Abu Bakar & Muhammad, 2005).Isu pengangguran telah menjadi satu bebanan kepada kerajaan kerana pihak kerajaan tidak dapat menyediakan peluang pekerjaan secukupnya. Justeru, salah satu penyelesaian kepada masalah pengangguran ini adalah melalui pembabitan secara meluas dalam bidang keusahawanan. Bagi mencapai matlamat tersebut, antaranya usaha-usaha khusus yang telah dilakukan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pendidikan Malaysia.

Walaupun terdapat peningkatan dalam kecenderungan siswazah memilih bidang keusahawanan sejak kebelakangan ini, namun bilangan mereka yang menceburi kerjaya keusahawanan masih kurang memberangsangkan. Kajian pengesanan siswazah Universiti Utara Malaysia membuktikan bahawa kurang dari 0.4 peratus siswazah yang telah melibatkan diri dalam bidang keusahawanan (Mohd. Salleh 2002a; Zolkafli ct al.2004). Kajian yang dijalankan oleh Morshidi ct al. (2004) yang juga mendapati siswazah kurang meceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Secara rumusan, dapat dikatakan hanya 1.3 peratus daripa 2,275 orang siswazah telah menceburi bidang ini. Malah kebanyakan siswazah didapati tidak melihat peluang-peluang perniagaan yang ditawarkan dalam bidang keusahawanan sebagai profesion yang dapat menjamin masa depan mereka.

Kegagalan melihat peluang-peluang tersebut telah menyebabkan para siswazah tidak peka terhadap bidang keusahawan yang boleh dijadikan sebagai satu kerjaya alternative. Akibat daripada ketidakpekaan ini, lebih daripada 31,000

orang siswazah yang menganggur dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian pada tahun 2007 (Kementerian Pengajian Tinggi, 2008). Isu pengangguran siswazah ini telah menjadi satu bebanan kepada kerajaan kerana pihak kerajaan tidak dapat menyediakan peluang pekerjaan mencukupi kepada siswazah yang tamat pengajian. Justeru, salah satu penyelesaian kepada masalah pengangguran ini ialah melalui pembabitan yang meluas dalam bidang keusahawanan (Salmah, 2006).

## **2.0 LATAR BELAKANG**

Berdasarkan kepada pernyataan di atas, kajian-kajian lepas telah mendapati hanya individu-individu tertentu sahaja yang akan memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Apabila diselidiki, golongan ini selalunya mempunyai persepsi yang positif terhadap bidang keusahawanan. Malah berpendapat bahawa hanya bidang keusahawanan dapat memberi mereka kepuasan sama ada dari segi material (pendapatan lumayan) ataupun pengiktirafan. Mereka juga boleh menggunakan kreativiti serta kemahiran yang dimiliki dengan bebas tanpa perlu kebenaran sesiapa dalam mengusahakan kerjaya mereka (Kuratko & Hodgetts, 2004; Bird, 1989). Matlamat pendidikan keusahawanan ialah untuk membentuk pelajar sebagai pencipta kerja yang berpotensi dan bukan sebagai pencari kerja. Bekerja sendiri dan memiliki perniagaan adalah satu opsyen yang realistik untuk pelajar. Malangnya, kebanyakan mereka tidak melihat keusahawanan sebagai satu alternatif kerjaya pilihan. Kajian yang dibuat di negara barat telah membuktikan bahawa pendidikan keusahawanan adalah berkait rapat dengan keputusan untuk memulakan perniagaan atau tidak. Kajian itu juga telah menunjukkan pengalaman, potensi, ciri keusahawanan, sikap, hobi, persepsi keusahawanan sendiri dan ide perniagaan adalah pengaruh yang kuat terhadap aspirasi keusahawanan.

Semasa bengkel bertajuk Pembelajaran untuk kehidupan, kerja dan masa depan (LLWF) di Bostwana pada tahun 2000, ciri-ciri usahawan yang dapat dikenal pasti terdiri daripada kreatif dan imiginasi, bebas dalam pemikiran dan tingkahlaku, kebolehan mengambil inisiatif, percaya kepada diri dan optimisme, kebolehan untuk menerima tanggungjawab, berkemahiran sosial, kemampuan untuk mengambil keputusan dengan ketidakpastian, kebolehan untuk menilai dan mengambil risiko, fleksibel, tekad untuk berjaya, kebolehan menyelesaikan masalah serta kemampuan bekerja keras. Ciri-ciri ini berpotensi menghasilkan usahawan yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam mengenal pasti peluang perniagaan, mengurus sumber perniagaan, memula perniagaan dan mengambil risiko.

### **3.0 DASAR PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN, INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT)**

Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) adalah bertujuan untuk menggalakkan dan memantapkan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik di kalangan IPT tempatan dalam usaha untuk;

1. Melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran ,atribut dan nilai keusahawanan; dan
2. Melahirkan lebih ramai lagi usahawanan siswazah yang akan bertindak sebagai pemangkin kepada transformasi ekonomi negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi dan berpaksikan inovasi kearah pencapaian status Negara maju menjelang tahun 2020.

Enam (6) Teras Strategik Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT telah ditetapkan:

1. Menubuhkan Pusat Keusahawanan di setiap IPT.
2. Menyediakan Pendidikan dan Program Keusahawanan yang terancang dan holistic.
3. Memantapkan Program Pembangunan dan pengukuhan keusahawanan.
4. Mewujudkan Mekanisme Pengukuran yang berkesan.
5. Menyediakan persekitaran dan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan keusahawanan; dan
6. Mengukuhkan kompetensi tenaga pengajar keusahawanan.

#### **4.0 DASAR PENUBUHAN KOLEJ KOMUNITI KPM**

Diantara peranan utama kolej komuniti adalah :

1. Sebagai sebuah institusi pendidikan yang memberi latihan serta kemahiran kepada masyarakat setempat yang memerlukannya.
2. Memberi peluang dan laluan alternative kepada pelajar lepasan menengah dan yang tercicir dalam sistem pendidikan, pekerja-pekerja serta masyarakat setempat untuk melanjutkan pendidikan dalam bidang latihan dan kemahiran yang mereka minati.
3. Sebagai pusat latihan yang fleksibal dalam penawaran kursus, syarat kemasukan dan umur dengan penawaran kursus sepenuh masa dan separuh masa berdasarkan keperluan masyarakat setempat.
4. Sebagai one stop centre yang menyediakan keperluan pendidikan lepasan menengah dan sebelum ke pasaran kerja ataupun melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi.

Matlamat pelaksanaan kursus pendek Kolej Komuniti kementerian Pendidikan Malaysia adalah untuk menyediakan peluang latihan kepada semua lapisan masyarakat setempat untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan

serta taraf sosio ekonomi melalui program pembelajaran sepanjang hayat yang fleksibel dan mudah alih. Kesemua kolej komuniti diberi tanggungjawab melaksanakan kursus pendek dibawah unit Pengajian Sepanjang Hayat (PSH) melalui KPI (Key Performance Indexs) tahunan masing-masing.

## **5.0 PELAN PENGUKUHAN KEUSAHAWANAN JABATAN PENGAJIAN KOLEJ KOMUNITI (JPKK)**

Memberi tumpuan dalam usaha mewujudkan pelajar Kolej Komuniti dan masyarakat setempat yang memiliki ciri-ciri dan kompetensi keusahawanan, berdaya saing dan mempunyai jati diri yang tinggi selari dengan kehendak Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi. Matlamat utama pelan ini ialah menyediakan garis panduan dalam melaksanakan program-program keusahawanan di Kolej Komuniti bagi tujuan untuk melahirkan lebih ramai modal insan yang mempunyai pemikiran ,atribut dan nilai keusahawanan.

Dalam usaha untuk mencapai matlamat di atas, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti telah merangka Pelan Pengukuhan Keusahawanan Kolej Komuniti berdasarkan 6 teras Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT iaitu:

1. Menubuhkan Pusat Pembangunan Keusahawanan di JPKK dan di Kolej Komuniti;
2. Menyediakan pendidikan dan program keusahawanan di JPKK dan di Kolej Komuniti;
3. Memantapkan program pembangunan dan pengukuhan keusahawanan;
4. Mewujudkan mekanisme pengukuran berkesan;
5. Menyediakan persekitaran dan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan Keusahawanan; dan
6. Mengukuhkan kompetensi penyelaras keusahawanan.

## 6.0 CABARAN YANG WUJUD

Merujuk kepada maklumat yang diperolehi dari sumber yang dinyatakan terdapat beberapa cabaran dikenalpasti. Kajian lebih terarah kepada bilangan peserta kursus pendek yang telah dilaksanakan di kolej komuniti dari tahun 2002 hingga 2009 dan cabaran yang wujud. Berikut adalah data-data yang diperolehi,

### STATISTIK KURSUS PENDEK KOLEJ KOMUNITI (2002 hingga 2009)

<b>TAHUN</b>	<b>BIL. KURSUS</b>	<b>BIL. PESERTA</b>
2002	79	1,771
2003	316	8,216
2004	867	23,907
2005	1,324	46,512
2006	2,436	71,684
2007	3,778	102,445
2008	4,321	106,814
2009	3,052	72,360
<b>JUMLAH</b>	<b>18,442</b>	<b>480,581</b>

**Jadual 1:** Data Pelaksanaan Kursus Pendek Kolej Komuniti dari Tahun 2002 - 2009. ( **Sumber** : Bahagian Pembangunan Akademik, JP KK tahun 2000 ).

### TERDAPAT 5 KATEGORI PELAKSANAAN KURSUS PENDEK TAHUN 2009


<b>PROGRAM</b>	<b>BIL. KURSUS</b>	<b>BIL. PESERTA</b>	<b>KOS (RM)</b>
<b>A. PENGUKUHAN GRADUAN</b> Cth Kump. Peserta : pelajar sem. Akhir KK @ Poli / graduan KK / graduan Politeknik / graduan IPT	415	10,043	60,888
<b>B. KEUSAHAWANAN</b> Cth Kump. Peserta : K/tgn k'jaan, k/tgn swasta, pelajar, belia, warga emas, OKU, ibu/bapa tunggal, komuniti setempat	413	8,240	413,838
<b>C. RESKILLING</b> Cth Kump. Peserta : K/tgn k'jaan, k/tgn swasta, pelajar, belia akademik rendah, warga emas, OKU, ibu/bapa tunggal, komuniti setempat	1,702	42,787	294,401
<b>D. PEMBASMI KEMISKINAN</b> Cth Kump. Peserta : miskin bandar, miskin luar Bandar, ibu/bapa tunggal	174	3,461	101,292
<b>E. WARGA PRIHATIN</b> Cth Kump. Peserta : belia tercicir @ berprestasi akademik rendah, warga emas, OKU, ibu/bapa tunggal, miskin, orang asli, kakitangan diberhentikan kerja	348	7,829	77,658
<b>JUMLAH</b>	<b>3,052</b>	<b>72,360</b>	<b>948,080</b>

**Jadual 2** : Pelaksanaan Kursus Pendek Kolej Komuniti dari 01 Januari 2009 sehingga 31 Disember 2009. ( Sumber : Bahagian Pembangunan Akademik JPKK 2010 )



## B. KEUSAHAWANAN

BIL. KURSUS	BIL. PESERTA	KOS (RM)	TABURAN PESERTA	JUMLAH
413	8240	413,838	Pelajar Sekolah	5665
			Pelajar IPT	1751
			Komuniti Setempat	103
			Ibu/bapa Tunggal	721
			<b>JUMLAH</b>	<b>8240</b>



Carta Pai : Kategori keusahawanan mengikut peratusan.

Pemerhatian pada tahun 2009 menunjukkan seramai 72,360 bilangan peserta kursus pendek warga komuniti melalui 3052 jenis kursus telah berjaya dijalankan diseluruh negara dengan bilangan kolej komuniti sebanyak 74 buah ketika itu dengan kos keseluruhan sebanyak RM 948,080.50. (Sistem Data Keusahawanan JPKK 2012). Daripada jumlah itu hanya 413 jenis kursus dengan bilangan peserta sebanyak 8240 dengan kos RM 413,838.75 terlibat dalam program latihan kursus pendek berteraskan keusahawanan. Taburan peserta meliputi 4 bahagian iaitu pelajar sekolah, pelajar IPT, komuniti setempat dan ibu/bapa tunggal.

Dapatan dari pemerhatian serta kajian menunjukkan terdapat cabaran yang perlu diatasi dan diperhalusi supaya keberkesanan program latihan kursus pendek berteraskan keusahawanan tersebut tercapai. Fenomena ini menunjukkan bahawa kursus pendek keusahawanan yang dijalankan di Kolej Komuniti mempunyai cabaran yang perlu diatasi. Perancangan dan matlamat yang jelas serta tersusun mengenai hala tuju program latihan kemahiran berteraskan keusahawanan perlu diperkasakan. Antara cabaran itu adalah ;

1. Dengan bilangan 8240 peserta kursus pendek dalam bidang keusahawanan tahun 2009 berbanding bilangan 74 buah kolej komuniti seluruh negara dengan anggaran sebuah kolej komuniti ialah 114 peserta. Dengan kos yang tinggi iaitu RM413,838.75 berbanding kursus-kursus lain, apakah bentuk pengukuran untuk mengenalpasti matlamat tercapai seperti yang dikehendaki. Adakah penggunaan tenaga pengajar luar dalam pelaksanaan kursus pendek ini berjaya memenuhi matlamat yang difokuskan.
2. Perlunya mekanisma asas bagi pemilihan peserta kursus pendek yang berteraskan keusahawanan diwujudkan agar peserta kursus yang di pilih bersesuaian dan menepati ciri-ciri ke arah keusahawanan, Kreteria pemilihan boleh digubal dalam pelbagai

bentuk yang mudah diisi atau diakses oleh pemohon. Dengan cara tersebut matlamat akan mudah tercapai.

3. Apakah mekanisma bagi menentukan jenis-jenis kursus pendek yang dilaksanakan menepati istilah program latihan kursus pendek berteraskan keusahawanan. Ianya perlu ditentukan bagi mencapai matlamat iaitu sesuatu kursus pendek dilaksanakan kepada peserta yang mempunyai tahap ilmu dalam lingkungan pembelajaran. Kaedah ini akan lebih berkesan kerana menjurus kepada peserta sasaran.
4. Bentuk dan mekanisma penilaian yang diambil bagi melakukan tindakan susulan selepas peserta pendek menghadiri latihan .Diantaranya data rekod perkembangan pemantauan, bentuk soal selidik, lawatan tapak dan pelaporan.Ini penting bagi mencorak dan mengenalpasti kepelbagaian tindakan baru.
5. Jalinan Kolaborasi dan kerjasama strategik dengan agensi/kementerian/swasta/berkanun bagi menjayakan pelaksanaan program latihan kursus pendek berteraskan keusahawanan. Kerjasama dengan pelbagai agensi awam, swasta atau berkanun akan dapat mengenalpasti kelemahan dan kekuatan suatu pelaksanaan. Yang pasti apabila melalui beberapa proses perubahan yang positif akan dapat melahirkan kejituan matlamat asal.
6. Penyediaan modul latihan / kurikulum yang digunakan perlu mendapat pengiktirafan dan menepati kehendak matlamat penubuhan dalam pelaksanaan program latihan ini. Peranan pelbagai pihak berkepentingan dituntut dalam penggubalan kurikulum tersebut.. Segala kelemahan dan kekuatan sesuatu bentuk kursus perlu diperhalusi sesuai dengan tahap penerimaan sesebuah kelompok komuniti sasaran.

7. Pengisian norma perjawatan di kolej komuniti perlu diperhalusi serta tenaga pengajar yang mengajar kursus di luar bidang perlu belajar secara informal untuk lebih kompeten. Pengamalan pembelajaran secara informal dapat memberi sumbangan kepada individu dalam tiga aspek utama iaitu aspek kemahiran, pengetahuan dan sikap positif. Ketiga-tiga aspek ini memberikan manfaat yang sangat berguna dalam mempelajari dan mendalami sesuatu bidang ilmu.
8. Format borang atau akses yang digunakan untuk permohonan peserta kursus pendek perlu dikaji semula supaya berupaya menarik jumlah permohonan. Matlamat memberi ilmu secara menyeluruh kepada sesebuah komuniti perlu diutamakan lebih-lebih lagi berkaitan taraf sosio ekonomi.

Proses pembudayaan akan dapat di amalkan secara menyeluruh dalam pelaksanaan kursus pendek keusahawanan tersebut dengan perancangan yang sistematik. Pendekatan yang bersepadu memberi cabaran kepada prestasi dan kejayaan organisasi. Ia haruslah mengikut kitaran latihan yang bermula dengan analisis keperluan latihan, merekabentuk latihan, melaksana dan menilai program latihan (Brooks 1995;Goldstein 1993). Secara umumnya cabaran ini akan dapat di atasi menerusi penelitian dan tindakan kajian. Ia perlu dilihat secara berterusan bagi mewujudkan pengukuhan yang memiliki ciri dan kompetensi keusahawanan, berdaya saing serta mempunyai jati diri selari dengan Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi.

## **7.0 KESIMPULAN**

Di dalam suasana ekonomi dan peluang kerja yang terhad masakini, kursus keusahawanan perlu diperkasakan dan diterapkan ke dalam diri setiap individu terutamanya penduduk komuniti setempat. Diharapkan mereka dapat berdikari dengan mencari, mencipta , mengisi dan mengambil peluang pekerjaan berasaskan keusahawanan selepas tamat tempoh pembelajaran. Kemahiran ini penting bukan sekadar untuk mudah diterima bekerja di bawah majikan, tetapi bekerja sendiri dengan kesanggupan menerima risiko terhadap sesuatu yang diusahakan. Untuk itu pelbagai kementerian dan jabatan berkaitan harus mengembling tenaga dan pemikiran bagi mengenalpasti cara terbaik dari pelbagai sudut agar peranan yang diamanahkan berjaya dicapai. Justeru itu para pengkaji disaran untuk membuat kajian yang lebih mendalam dengan idea-idea lebih bersesuaian di dalam mendepani cabaran ini.

## BIBLIOGRAFI

1. Lembaran: Kolej Komuniti Kementerian Pengajian tinggi :Menyingkap Kejayaan Usahawan Menerusi Pembelajaran Sepanjang Hayat (Julai 2009)
2. Surat Mesyuarat Pengarah-Pengarah dan Pegawai Kanan Bil :3/2011
3. Surat mesyuarat Pengarah-Pengarah dan Pegawai Kanan Bil:4/2011
4. Mohd. Azhar Abd. Hamid, Muhammad Fauzi Othman ,Zainudin Hassan, Othman A.Kassim (2003). Pendidikan Bukan Formal (Pbf) Di Malaysia: Cabaran dan Halatuju Wawasan 2020, dlm Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan. 19-21 Oktober Johor Bahru. Fakulti Pendidikan UTM.
5. Pelaksanaan Kursus Pendek Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). Bahagian Pembangunan Akademik, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (2009)
6. Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara, Fasa 2 (2011-2015). Mencetus Transformasi Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (Jun 2011).
7. Pelan Pengukuhan Keusahawanan, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian tinggi Malaysia 2010-2015.
8. MALAYSIAN EDUTRENDS. Pengajian Tinggi dan Model Bahru Ekonomi. (AKEPT).December 2010-ISSN:2010-2020.
9. Manual Pelaksanaan Kursus Pendek Kolej Komuniti KPT – Edisi Jun 2009.
10. Pelaksanaan Kursus Pendek PSH Bahagian Pembangunan Akademik, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti dari 01 Jan2009 – 31 Disember 2009.
11. Sri Mas Zarith Mahmud (2011). Keusahawanan Dalam PTV Di Malaysia.
12. Norasmah Hj Othman & Salmah Ishak (2011). Kecenderungan Pemilihan Kerjaya Keusahawanan.
13. Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, Abd. Rahim Bakar & Mohd Majid Konting.(2002). Pelaksanaan Pendidikan Keusahawanan di Malaysia: Kesan Terhadap Aspirasi Keusahawanan Pelajar.
14. Pemerksaan Kolej Komuniti 2013-2015, JPKK. Disember 2012